

SEDIKIT SEDIKIT LAMA LAMA JADI BUKIT



Oleh Khadijah Mohd Kudus
Pensyarah Kanan
Jabatan Tadbir Urus Korporat
Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur

Time value of money bermaksud nilai masa wang iaitu berapa nilai sebenar wang yang kita ada pada satu masa tertentu sama ada sekarang atau pada masa akan datang. Mesti ada yang tertanya apa maksudnya kan? Cuba bayangkan duit belanja kita masa zaman sekolah dulu, kalau dulu abah saya bagi belanja sekolah 60 sen sehari. Hari ini kalau kita bagi anak kita 60 sen, mesti dia menangis kan? Sebab dia cuma boleh beli kuih sebiji sahaja. Dulu dengan 60 sen, saya boleh beli sebungkus nasi lemak berharga 20 sen, air sirap 10 sen dan jajan yang dijual ditepi sekolah 20 sen dan kadang-kadang dapat simpan dalam tabung 10 sen sebab saya suka berbelanja. Mewah sangat dah masa tu. Saya rasa kalau zaman saya bersekolah rendah 60 sen itu besar nilainya, tetapi sekarang 60 sen cuma boleh dapat beli satu barang sahaja dan nilainya sangat kecil. Kepuasan berbelanja tidak dapat dirasai dengan nilai wang yang kecil. Oleh itu, teruskan membaca artikel ini kerana ianya boleh memberi anda manfaat bagaimana kita boleh tingkatkan nilai masa wang kita.

Kenapa kita perlu tahu konsep *time value of money* ini dalam kehidupan kita? Biasanya Selepas seseorang itu sudah tamat belajar , sudah bekerja dan berkeluarga, keinginan untuk memiliki motor, kereta dan rumah impian tersemat dihati. Bagaimana kita hendak merealisasikan matlamat ini? Adakah ianya sekadar impian sahaja atau memang kita boleh memilikinya? Macam susah tetapi dengan strategi yang betul, impian itu boleh jadi kenyataan. Bagaimana caranya? Teruskan membaca

Demi merealisasikan keinginan untuk memiliki RM100,000 dalam tempoh 10 tahun, anda cuma perlu cari pelaburan yang boleh memberikan pulangan keuntungan sebanyak 6% setahun. Anda Cuma perlu ada simpanan berjumlah RM7,586.68 sahaja hari ini dan laburkan wang tersebut tanpa mengeluarkan faedah yang diperolehi selama sepuluh tahun, wang anda akan meningkat ke RM100,000. Senang bukan? Senang bagi yang berdisiplin untuk tidak keluarkan pelaburan tersebut dan susah bagi yang tidak boleh tengok ada duit dalam akaun.

Apakah jenis pelaburan yang membolehkan anda memperolehi keuntungan sebanyak 6%? Antaranya adalah ASB, REITs, dan saham Blue Chips. Sekiranya anda kurang pengetahuan tentang analisis saham di Bursa Malaysia, maka ASB, REITs dan lain-lain saham amanah adalah pilihan yang baik. Tetapi sekiranya anda mahir membuat keputusan beli dan jual saham maka pelaburan saham blue chips adalah yang terbaik.

ASB merupakan pelaburan saham amanah yang dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad. Anda boleh melabur dengan hanya RM100 atau RM50. Tidak ada jumlah minimum untuk melabur, dengan RM10 pun boleh. Tetapi had maksimum pelaburan ialah RM200,000. Pada tahun 2019, dividen ASB adalah 5.5% termasuk bonus berbanding 6.55% pada tahun sebelumnya. Apa yang anda perlu buat ialah buka akaun ASB dan masukkan wang anda secara konsisten, itu sahaja. Senang dan biar pengurus-pengurus profesional yang uruskan wang anda. Hujung tahun anda dapat dividen.

REITs pula merupakan ringkasan kepada Real Estate Investment Trusts dan ia merupakan sebuah tabung amanah yang menguruskan harta tanah komersial seperti pusat beli-belah, hospital, pejabat dan perladangan. Hartanah seperti ini mendapat keuntungan dari segi sewa kedai, lot atau tapak, iklan di bangunan dan lain-lain pendapatan yang boleh diperolehi dari harta tanah tersebut. Kini kita boleh melabur REITs yang patuh Syariah (i-REITs) supaya pelaburan kita bersih

dari perkara-perkara yang melibatkan yang haram, gharar dan judi. Pelabur boleh mendapat dua jenis keuntungan iaitu dividen dan kenaikan harga. Pelaburan seperti ini tidak memerlukan kita mengeluarkan modal yang besar untuk memiliki hartanah tersebut, jadi ramai yang mampu melabur dengannya.

Bagi anda yang memiliki kemahiran menganalisis saham, membeli saham blue chips dapat memberikan keuntungan yang baik dalam jangka masa panjang. Pembelian saham seperti ini memerlukan pemantauan dari segi prestasi harga dan dividen secara berterusan dan anda perlu memantau pelaburan anda dari masa ke semasa.

Kesimpulannya, untuk kita memiliki wang yang cukup bagi menampung perbelanjaan pada masa akan datang memerlukan sedikit pengorbanan untuk menyimpan wang dari hari ini dan imbuhan atas pengorbanan itu ialah kesenangan hidup di masa akan datang. Hakikatnya kos hidup yang semakin meningkat ini sentiasa meminta kita untuk berbelanja dan jika kita tidak kawal perbelanjaan kita hari ini, ianya akan mengundang masalah hutang yang tidak terkawal. Hati-hati dengan penggunaan kad kredit kerana perbelanjaan yang tidak terkawal akan menyebabkan anda berhutang lagi dan wang gaji bulanan anda hanya boleh digunakan untuk membayar hutang sahaja. Jadi dengan menyimpan dan melabur hari ini, hidup lebih tenang nanti.